

## HAK PENDIDIKAN UNTUK KANAK-KANAK DI MALAYSIA DALAM ERA PANDEMIK COVID-19

Abidah Abdul Ghafar  
Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
Email: abidah@usim.edu.my

### ABSTRAK

*Pendidikan adalah suatu hak asasi bagi setiap kanak-kanak yang bernaung di bawah hak kepada perkembangan dan pembangunan potensi individu. Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) yang menggariskan di antara lain mengenai hak pendidikan bagi kanak-kanak. Dalam hal ini, ibu bapa dan penjaga mempunyai kewajipan dan tanggungjawab untuk mempertahankan hak kanak-kanak, termasuk untuk memberikan mereka pendidikan, khususnya pendidikan formal di sekolah. Pada tahun 2002, pindaan kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) telah mewajibkan pendidikan sekolah rendah bagi kanak-kanak di Malaysia. Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) memperincikan prinsip-prinsip untuk membuat keputusan, merancang program dan sebagainya yang berkaitan pendidikan untuk kanak-kanak di negara ini. Namun, bukan setiap keluarga berkemampuan untuk menghantar dan menyediakan kelengkapan persekolahan bagi anak-anak. Di Malaysia, tinjauan terbaru oleh Tabung Penduduk Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) dan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) mendedahkan bahawa jumlah kes pelajar yang kurang berkemampuan berhenti sekolah semakin meningkat. Berikutan daripada musibah pandemik Covid-19 yang melanda dunia, pendidikan dan persekolahan kanak-kanak juga mengalami pelbagai episod dan cabaran. Artikel ini mengutarakan analisa berkaitan peranan undang-undang dalam memastikan setiap kanak-kanak di Malaysia menikmati peluang untuk mendapatkan pendidikan terbaik yang telah disediakan sebagai hak asasi mereka. Fokus juga diberi kepada situasi pembelajaran sewaktu pandemik dengan pematuhan prosedur operasi standard dan norma baharu.*

Kata Kunci : hak asasi, pendidikan, persekolahan, kanak-kanak.

### PENDAHULUAN

Setiap kanak-kanak berhak mendapat pendidikan yang baik dalam tempoh mereka membesar. Pendidikan adalah nadi kepada perkembangan seorang kanak-kanak, demi membentuk masa hadapan yang cerah. Pendidikan adalah penting untuk mencorakkan sahsiah dan peribadi, membangunkan akal dan pemikiran, serta membentuk akhlak, sikap dan personaliti seseorang. Pembangunan diri kanak-kanak melalui sistem pendidikan yang baik adalah amat penting kerana mereka merupakan generasi pelapis dalam sesebuah masyarakat. Sistem pendidikan yang berkesan perlu disokong dengan kerangka perundangan yang mantap bagi menjamin hak asasi kanak-kanak kepada pendidikan. Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab setiap ibu-bapa untuk mempertahankan hak pendidikan bagi kanak-kanak. Namun, bukan setiap keluarga berkemampuan untuk menghantar dan menyediakan kelengkapan persekolahan bagi anak-anak mereka.

Cabaran lebih ketara apabila negara dilanda bencana pandemik Covid-19 yang telah tersebar di seluruh dunia. Kawalan pergerakan dikuatkuasakan, sekolah terpaksa ditutup, pembelajaran dijalankan secara atas talian dan sebahagian guru dan pelajar terpaksa menjalani proses kuarantin jika telah dijangkiti atau menjadi kontak rapat kepada pesakit Covid-19. Berikutan daripada itu, ramai kanak-kanak di Malaysia (Ahmad Farit dan lain-lain, 2021) dan di seluruh dunia (UNESCO, 2020) yang terjejas peluang pendidikan apabila tidak dapat mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara atas talian kerana pelbagai halangan. Kertas ini mengutarakan analisa berkaitan hak asasi kanak-kanak di Malaysia untuk mendapatkan pendidikan terbaik mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan semasa dengan cabaran merealisasikannya ketika era pandemik. Perbincangan berfokus kepada situasi pembelajaran sewaktu pandemik Covid-19 dengan melihat kepada isu dan cabaran dalam pematuhan prosedur operasi standard dan norma baharu dalam pendidikan kanak-kanak sekolah.


### HAK KANAK-KANAK TERHADAP PENDIDIKAN

Hak kepada pendidikan adalah suatu hak asasi yang bernaung di bawah hak kepada perkembangan dan pembangunan potensi individu. Hak kanak-kanak kepada pendidikan ini digariskan di peringkat antarabangsa dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Konvensyen ini mengklasifikasi hak kanak-kanak kepada empat kategori, iaitu hak kepada kehidupan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan. Malaysia telah meratifikasi Konvensyen ini pada 17 Februari 1995 yang menggariskan di antara lain mengenai hak pendidikan bagi kanak-kanak. Secara lebih khusus, Artikel 29 CRC menyatakan bahawa pendidikan kanak-kanak hendaklah bertujuan mengembangkan personaliti, bakat, dan kebolehan mental dan fizikal kanak-kanak ke tahap potensi yang paling tinggi. Artikel 23 CRC pula menyatakan bahawa kanak-kanak yang berkelainan upaya mempunyai hak kepada penjagaan, pendidikan dan latihan khas supaya mereka dapat menikmati peluang membentuk potensi dan harga diri serta integrasi sosial yang sesuai dengan kemampuan mereka.

Hak pendidikan kepada kanak-kanak warganegara tanpa diskriminasi berlandaskan agama, ras, keturunan dan tempat lahir dijamin di Malaysia dalam Artikel 12 Perlembagaan Persekutuan, seperti mana juga di Singapura (Perlembagaan Singapura, Artikel 16). Demikian juga di Indonesia, pendidikan adalah hak asasi di mana setiap orang berhak memilih pendidikan dan pengajaran (Undang-undang Dasar (UUD) 1945, Pasal 28E (ayat 1) & 31 (ayat 1); Dede, 2020), wajib mendapatkan pendidikan dasar iaitu peringkat rendah dan kerajaan wajib membiayainya (UUD 1945, Pasal 31 (ayat 2); Dede, 2020). Sementara pendidikan di Thailand disediakan terutamanya oleh kerajaan Thailand melalui Kementerian Pendidikan dari pra-sekolah hingga sekolah menengah atas. Pendidikan asas percuma selama lima belas tahun dijamin oleh perlembagaan Thailand. (UNICEF, 2017)

Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan dan perkembangan dari semasa ke semasa dalam acuannya sendiri. Sistem pendidikan negara tertakluk kepada undang-undang yang memperuntukkan, antara lain, struktur pentadbiran sistem pendidikan, pengawalan institusi, pengawalan kurikulum, kuasa guru dan pentadbir, serta hak murid dan pelajar. Sebelum tahun 1996, undang-undang pendidikan di Malaysia diperuntukkan dalam Akta Pelajaran 1961. Sehingga kini beberapa akta berkaitan dengan pendidikan telah digubal, iaitu Akta Pendidikan 1996, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996, Akta Majlis Pendidikan Negara 1996 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1996. Perkembangan undang-undang berkaitan pendidikan di Malaysia adalah berasaskan kerangka berikut:

Rajah 1: Perkembangan Asas Kerangka Undang-undang Pendidikan Malaysia



(Sumber: Adaptasi dari Rajah 12.1, Zaini Abdullah dll.)

## PENDIDIKAN WAJIB BAGI KANAK-KANAK DI MALAYSIA

Pada tahun 2002, pindaan kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) telah mewajibkan pendidikan sekolah rendah bagi kanak-kanak di Malaysia. Mukadimah Akta 550 memperakui martabat ilmu sebagai penentu utama arah tujuan negara dan penyelamat bangsa. Tujuan pendidikan adalah untuk membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran dan nilai murni yang diperlukan dalam dunia yang berdaya saing tinggi serta bersifat global, kesan daripada perkembangan pesat sains, teknologi dan maklumat. Manakala peranan pendidikan adalah penting dalam menjayakan wawasan negara demi untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya dari segi kemajuan ekonomi, keadilan sosial, dan kekuatan rohani, moral dan etika, ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Akta 550 juga menyebut bahawa misi kerajaan adalah untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan mencapai aspirasi negara.

Sementara itu, Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) telah dibentuk dan ditambah baik dari semasa ke semasa, sesuai dengan perkembangan ilmu dan maklumat. DPK ini memperincikan prinsip-prinsip yang menjadi rujukan pada peringkat Kementerian dan sekolah untuk menggubal kurikulum, membuat keputusan, merancang program dan sebagainya berkaitan pendidikan untuk kanak-kanak di negara ini. DPK adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, yang jelas menyatakan bahawa “Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). DPK dilaksanakan melalui suatu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan

bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, dengan kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama. Berdasarkan DPK, skop pendidikan yang diberi adalah pelbagai dan komprehensif demi memenuhi keperluan negara, serta memupuk perpaduan masyarakat melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Dalam hal ini, ibu bapa dan penjaga mempunyai kewajipan dan tanggungjawab untuk mempertahankan hak kanak-kanak, termasuk untuk memberikan pendidikan kepada mereka. Pendidikan ini merangkumi ilmu agama atau ketuhanan, akhlak dan nilai-nilai murni serta pengetahuan akademik. Aktiviti seperti membaca, mentelaah, mengulangkaji dan perbincangan ilmiah di rumah merupakan cara memupuk semangat cintakan ilmu pada anak-anak. Ibu, dan dalam konteks tertentu ahli keluarga, merupakan ‘sekolah’ pertama bagi seorang kanak-kanak. Menjalani pendidikan formal di sekolah merupakan salah satu cara untuk menunaikan hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan (Abidah Abdul Ghafar, 2021). Bukan sahaja perkembangan akademik, malah pendidikan di sekolah mencakupi pembangunan aspek lain yang lebih luas iaitu kemahiran insaniah, seperti personaliti, bakat, serta keupayaan mental dan fizikal. Kemahiran kanak-kanak perlu dikembangkan dalam setiap domain untuk membentuk insan dan seterusnya masyarakat yang seimbang dari segi intelektual, rohani, emosi, dan jasmani.

Dalam pada itu, Akta 550 turut meraikan aspirasi ibu bapa. Ia menyatakan bahawa, selaras dengan DPK, kerajaan perlu menyediakan pengajaran yang cekap, dan selagi ia tidak melibatkan perbelanjaan awam yang tidak munasabah, perlu mengambil kira akan prinsip am bahawa murid harus dididik mengikut hasrat ibu bapa masing-masing. Berselari dengan kehendak Artikel 28 CRC yang menyatakan bahawa kerajaan dikehendaki menyediakan pendidikan wajib dan percuma. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dilancarkan pada 6 September 2013 mengandungi rancangan pembangunan yang paling menyeluruh bagi murid dari pra sekolah hingga ke pusat pengajian tinggi. Dengan objektif untuk mendatangkan pulangan terbaik modal insan bagi memacu segala hasrat pembangunan negara, Pelan ini merangkumi lonjakan pelbagai aspek termasuk untuk mencapai pembelajaran dalam talian tahap global (Lonjakan 9, PPPM (2013-2015)). Ini bermaksud, setiap murid perlu mendapat akses kepada pendidikan untuk mencapai potensi diri bagi menghadapi kehidupan masa hadapan. Oleh itu, murid berhak mendapat peluang mengikuti pendidikan, meskipun mereka tidak dapat hadir atau tidak mampu ke sekolah atas apa-apa pun sebab termasuklah isu kesihatan dan pandemik.

#### **PENDIDIKAN KANAK-KANAK DALAM ERA PANDEMIK COVID-19**

Di Malaysia, tinjauan terbaru oleh Tabung Penduduk Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) dan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) mendedahkan bahawa jumlah kes pelajar yang kurang berkemampuan berhenti sekolah semakin meningkat, lebih-lebih lagi Ketika pandemic Covid-19 (UNICEF, 2020). Kos pembiayaan didapati antara salah satu faktor terbesar kepada senario ini.

Penularan virus Corona ke seluruh dunia telah mengakibatkan pandemik Covid-19, yang telah menjejaskan pelbagai aspek kehidupan manusia. Kebanyakan negara di seluruh dunia mengisytiharkan kawalan pergerakan, perintah darurat, penutupan sempadan dan ‘lockdown’ (kawalan pergerakan penuh) untuk tempoh tertentu bagi mengawal pandemik ini. Seperti juga negara lain, Malaysia turut mengambil langkah yang sama untuk mengawal wabak. Kerajaan Malaysia mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 344) bagi mengawal pergerakan rakyat di seluruh negara. Rentetan langkah kawalan pergerakan yang diambil oleh kerajaan mulai 18 Mac 2020 telah dilaksanakan dalam beberapa fasa, sepertimana dalam jadual berikut:

Jadual 1: Scenario PKP dalam pandemik Covid-19 di Malaysia

<b>Perintah</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Kesan terhadap Sektor Pendidikan</b>
<b>Perintah Kawalan Pergerakan – PKP Fasa 1</b>	18 Mac – 31 Mac 2020	Penutupan semua institusi pendidikan rendah, menengah, pra- universiti, institusi pendidikan tinggi (IPT) dan institut latihan kemahiran
<b>PKP Fasa 2</b>	1 April – 14 April 2020	
<b>PKP Fasa 3</b>	15 April – 28 April 2020	
<b>PKP Fasa 4</b>	29 April – 3 Mei 2020	
<b>Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat – PKPB Fasa 1</b>	4 Mei – 12 Mei 2020	Pembukaan semula sektor pendidikan secara berperingkat mulai 24 Jun 2020 (JPM, 2020; Reuters, 2020)
<b>PKPB Fasa 2</b>	13 Mei – 9 Jun 2020	
<b>Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan – PKPP Fasa 1</b>	10 Jun – 31 Ogos 2020	Hanya murid calon peperiksaan awam sahaja yang hadir ke sekolah. Murid lain meneruskan PdPR
<b>PKPP Fasa 2</b>	1 September – 31 Disember 2020	
<b>PKPP Fasa 3</b>	1 Januari – 31 Mac 2021	
<b>PKP mengikut negeri</b>	11 Januari – 31 Mei 2021	Setiap negeri melaksanakan PKP, PKPB, PKPP, PKPD dan separa PKPD bergantung kepada situasi wabak Covid-19 di sesebuah negeri.

<b>PKP Penuh</b>	1 Jun – 28 Jun 2021	Semua institusi pendidikan ditutup.
<b>Pelan Pemulihan Negara (PPN) – Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3, dan Fasa 4</b>	15 Jun – 31 Disember 2021	Pergerakan negeri dari satu fasa ke satu fasa bergantung kepada jumlah kes baru, jumlah penggunaan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan kadar vaksinasi di sesebuah negeri.  Pengoperasian sekolah dilaksanakan mengikut fasa. PdPR sepenuhnya dilaksanakan di negeri fasa 1 dan fasa 2, murid calon peperiksaan awam hadir ke sekolah di negeri fasa 3 dan sekolah beroperasi secara berperingkat di negeri fasa 4.

(Sumber: MKN, 2020 dan Wikipedia, 2020)

Berikutan daripada musibah pandemik Covid-19 yang melanda dunia, pendidikan dan persekolahan kanak-kanak juga mengalami pelbagai episod dan cabaran.

### Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR)

Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) ialah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR dilaksanakan apabila murid tidak dapat hadir ke sekolah dalam satu tempoh yang tertentu atas sebab bencana atau wabak atau sebab-sebab lain. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan/ atau luar talian dan/ atau *off-site* dengan berstruktur dan terancang. Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai alternatif pembelajaran bertujuan untuk membantu guru melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai alternatif pembelajaran norma baharu. Manual ini juga sebagai rujukan untuk pentadbir sekolah, pegawai pejabat pendidikan daerah (PPD) dan jabatan pendidikan negeri (JPN) serta Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Penggunaan aplikasi digital telah diperkenalkan oleh KPM seperti pembelajaran teradun (*blended learning*), *Flipped Classroom*, *Google Classroom*, dan Portal DELIMA (*Digital Educational Learning Initiative Malaysia*) KPM sejak sebelum pandemik lagi (Maimun Aqsha Lubis et al, 2021). Namun, penggunaan pendekatan tertentu seperti *Google Classroom*, Portal DELIMA dan medium sosial dan interaktif lain seperti *Google Meet*, *Microsoft Teams*, *Zoom Cloud Meeting*, *Webex*, *WhatsApp Group* dan *Telegram Group* berlaku secara lebih giat dan menyeluruh sewaktu pandemik Covid-19 dan penutupan sekolah ketika kawalan pergerakan dikuatkuasakan. Pelbagai platform kuiz seperti *Kahoot*, *Quizizz*, *WordWall*, *Google Form* dan *Quiz Maker* menjadi pilihan untuk memberi latihan berbentuk kuiz bagi menguji kefahaman murid selepas tajuk pelajaran dalam PdPR selesai. Kemajuan teknologi digital membuka ruang kepada penggunaan aplikasi yang pelbagai sesuai dengan kapasiti talian Internet, fasiliti gajet dan kemahiran digital guru dan murid.

Dalam pada itu, ketika sekolah dibuka secara berperingkat, masih ada keluarga yang perlu berada di rumah atas arahan kuarantin, dan masih ada juga ibu bapa yang belum bersedia menghantar anak-anak bersekolah secara bersemuka. Sekiranya hal ini berlaku, pihak guru masih boleh menghantar tugas secara dalam talian melalui aplikasi *Google Classroom*, *Whatsapp Group* atau *Telegram Group*, atau juga secara serahan tangan dengan ibu bapa mengambil sendiri tugas dari guru-guru di sekolah dan menghantarnya semula setelah dilengkapkan oleh murid. Dalam situasi ini, ibu bapa perlu memberi penerangan tentang tugas dan pembelajaran serta memantau aktiviti anak-anak untuk menyiapkan tugas itu. TV Pendidikan juga boleh terus diperkasakan dan dijadikan suatu sumber pembelajaran kerana ia sangat membantu kanak-kanak yang terpaksa berada di rumah. Bahan pembelajaran dapat ditonton menerusinya agar kanak-kanak tidak ketinggalan dalam persekolahan.

### Cabaran Pelaksanaan PdPR

Bagaimana pun, pelaksanaan PdPR dalam talian secara menyeluruh telah memberi kesan kepada motivasi dan tahap keterlibatan pelajar untuk mengikuti kelas dalam talian. Kajian UNICEF menunjukkan seorang daripada 5 kanak-kanak hilang minat untuk hadir ke sekolah selepas tempoh '*lockdown*' (kawalan pergerakan) berakhir dan sekolah dibuka semula (UNICEF, 2020). Beberapa isu dan cabaran dalam pelaksanaan PdPR diutarakan dalam kajian, terhadap pihak yang terlibat, iaitu:

#### 1. Murid

Antara cabaran yang dihadapi oleh murid ketika PdPR ialah masalah ketiadaan atau gangguan capaian internet di rumah. Ada ketika capaian internet terputus langsung, terputus-putus atau tidak stabil (Noor Syaheerah & Tajul, 2021). Keadaan lebih buruk bagi murid yang tinggal di kawasan pedalaman dan ceruk kampung, di mana berlaku kesukaran dalam pertimbangan memilih di antara talian Internet dengan rangkaian yang baik (Nur Hanisah AS & Mohd Isa H, 2021) dengan kos bagi langganan rangkaian tersebut. Murid juga mudah terleka dan hilang fokus jika berada di hadapan skrin terlalu lama, tambahan pula jika tiada pemantauan yang berterusan daripada ibu atau bapa atau penjaga. Sepanjang PdPR dalam talian berjalan, kanak-kanak menghadapi pembelajaran di alam maya tanpa interaksi fizikal dengan rakan sebaya, jauh sekali bermain dan bergurau sesama sendiri (Bernama, 2020) – semuanya 'hilang' daripada pengalaman mereka.

Dalam keadaan tertentu, sebahagian keluarga pula mengharapkan bantuan anak-anak yang besar untuk menjaga dan mengawasi anak-anak yang lebih kecil. Ada juga kanak-kanak yang perlu menyelesaikan kerja-kerja rumahtangga seperti memasak, membasuh, menyidai dan melipat pakaian serta mengemas rumah. Sedangkan PdPR dalam talian juga menuntut sebahagian besar masa dan tumpuan kanak-kanak tersebut ketika di rumah. Pergelutan di antara menyelesaikan tugas rumahtangga dan menghadiri PdPR dalam talian menjadi cabaran kepada sebahagian kanak-kanak.

## 2. Guru

Kurang kemahiran dan pengetahuan dalam mengendalikan PdPR menggunakan teknologi merupakan salah satu cabaran kepada para guru (Shahfiezul & Fariza, 2017) walaupun sebelum pandemik berlaku. Ini termasuk dari aspek menyesuaikan diri dalam era globalisasi yang memerlukan penggunaan alat komunikasi dan teknologi yang canggih dalam sesi pengajaran (Syahiza & Fariza, 2019). Seperti mana pekerja lain, guru juga didapati kurang bermotivasi untuk mencapai prestasi cemerlang apabila menghadapi bebanan tugas yang tinggi (Muhammad Faizal Abd Ghani, 2020). Apatah lagi apabila terpaksa bekerja dari rumah, dengan kekangan masa dan tumpuan terhadap keluarga dan sesi pengajaran dalam talian yang menuntut komitmen dan motivasi yang tinggi. Akhirnya keadaan ini boleh membawa kepada tekanan mental dan perasaan.

Persediaan bagi PdPR dalam talian juga menuntut kerja yang lebih berbanding PdP secara bersemuka (Berita Harian, 2020). Penjelasan, penerangan, contoh dan penyelesaian masalah tidak dapat diberi secara langsung dalam PdPR dalam talian; bahkan memerlukan bahan, kandungan (*content*) atau pengisian yang lebih bermakna dan persediaan yang lebih mantap. Guru perlu menyediakan bahan pengajaran yang lebih, tambahan pula jika suatu tajuk itu tidak banyak bahan tersedia dalam talian. Penggunaan bahan sedia ada dalam *YouTube*, *Facebook Live*, dan sebagainya boleh membantu walau tidak menyelesaikan masalah secara mutlak.

## 3. Pentadbir dan Pengurusan Sekolah

Pihak pentadbir dan pengurusan sekolah perlu memastikan pelaksanaan PdPR berlangsung dengan baik dan berkesan, bagi mengelakkan ada murid yang tercicir. Pihak pentadbir perlu bekerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi mengenal pasti keadaan dan situasi kanak-kanak di rumah dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan penyampaian PdPR berhasil. Sekiranya sekolah mempunyai murid yang bermasalah dalam mendapatkan gajet, capaian Internet yang stabil dan tumpuan PdPR yang menyeluruh, beberapa langkah alternatif perlu diambil. Penggunaan modul khusus dan lembaran kerja boleh digunakan untuk murid yang tiada atau terhad capaian Internet (Muhammad Ajwad MS & Harun Baharudin, 2021). Saluran kepada bantuan kewangan boleh dibuka kepada keluarga yang memerukan dengan menghubungi pusat zakat setempat, baitulmal dan pejabat Kebajikan Masyarakat daerah. Sumbangan perseorangan, ahli politik, dan syarikat tertentu juga boleh membantu murid yang berkeperluan, khususnya golongan B40. Usaha ini perlu digembling pentadbir dan pengurusan sekolah bersama PIBG.

## 4. Ibu Bapa

Dalam keadaan pandemik dan seluruh sektor ekonomi ditutup, para ibu bapa perlu bekerja dari rumah. Ini menjadi suatu cabaran bagi sesetengah ibu bapa yang perlu menyelesaikan tugas hakiki – menghadiri mesyuarat, menyiapkan dokumen, mengejar tarikh akhir dan menyelesaikan pelbagai tugas pejabat – dari rumah (Sharifah Hana Lia & Norshidah, 2021). Di samping itu, ibu bapa perlu memantau dan mengawasi pembelajaran anak-anak yang bersekolah dengan menghadiri PdPR dalam talian (Sharifah Hana Lia & Norshidah, 2021). Keadaan mungkin lebih sibuk jika ada bayi dan anak-anak yang lebih kecil, yang memerlukan asuhan sepanjang hari. Pada waktu tertentu, peranan ibu bapa juga perlu dalam membantu anak-anak menyelesaikan tugas dan kerja rumah yang diberi guru.

Kajian menunjukkan bahawa latar belakang keluarga boleh memberi kesan dan mempengaruhi prestasi akademik dan pembentukan disiplin kanak-kanak (Siti Masayu & Narimah, 2018). Walaupun ada kajian menunjukkan sebaliknya (Irma Mahad et al, 2021), persekitaran rumah yang kondusif ketika PdPR dalam talian dilaksanakan dapat membantu keterlibatan dan tumpuan kanak-kanak (Noor Syaheerah & Tajul, 2021). Cabaran kepada ibu bapa untuk memastikan kejayaan PdPR adalah dalam menyediakan peralatan seperti gajet, *tablet*, komputer riba, komputer meja atau telefon pintar yang mencukupi, talian Internet yang stabil, ruang yang selesa dan bebas gangguan serta bantuan dari segi pembelajaran dan penyelesaian masalah dalam tugas kanak-kanak.

## 5. Kementerian

Kementerian Pendidikan Malaysia telah membelanjakan lebih RM6 billion untuk pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi penggunaan murid-murid secara amnya, menerusi inisiatif pendidikan PPPM (2015) (Nur Hanisah AS & Mohd Isa H, 2021). Melalui usaha ini, diharapkan para murid dapat mengakses kandungan pembelajaran yang meluas secara lebih menarik dan interaktif. Sejak sahaja gelombang pandemik berlaku, sekolah ditutup, dan para murid belajar melalui PdPR dalam talian, pergantungan kepada bahan ICT dalam talian amat ketara. Bagaimana pun, tahap kandungan bahan pembelajaran dalam talian masih dalam pembangunan dan belum optimum. Cabaran lebih besar dari segi memastikan akses yang menyeluruh kepada setiap murid yang berada di setiap pelosok negara, yang bukan hanya di bandar dan pinggir bandar, malahan juga di kampung-

kampung dan kawasan pedalaman yang mengalami kesukaran talian Internet. Kerajaan melalui kementerian dengan itu perlu memikirkan cara terbaik untuk memberi akses yang saksama kepada setiap murid, tanpa pengecualian, sama ada melalui medium maya (*virtual*) atau pun fizikal seperti memberi bahan-bahan bercetak dan lembaran kerja kepada murid.

Selain daripada itu, Kementerian juga perlu merancang kaedah pentaksiran alternatif bagi kemasukan murid tingkatan 1 dan tingkatan 4 ke sekolah kawalan, sekolah berasrama penuh, dan beberapa sekolah khusus, iaitu sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah menengah teknik, kolej vokasional dan Maktab Tentera Diraja berikutan pemansuhan UPSR dan pembatalan PT3 ketika pandemik Covid-19. Peperiksaan awam bersemuka tidak dapat diadakan; dengan demikian, pentaksiran alternatif tersebut juga perlu dilaksanakan dalam talian, yang merupakan suatu cabaran.

### **Pemansuhan UPSR dan Pembatalan Peperiksaan PT3 Tahun 2020 dan 2021**

Kerajaan memutuskan untuk memansuhkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) sepenuhnya mulai tahun 2020 dan membatalkan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) untuk tahun 2020 dan 2021 (Mohd Iskandar Ibrahim, 2021). Keputusan ini dibuat rentetan kesukaran untuk mengadakan peperiksaan awam berskala besar secara bersemuka dalam tempoh pandemik.

### **Perubahan Tarikh Peperiksaan Awam Tahun 2020**

Pelaksanaan peperiksaan awam tahun 2020 di peringkat menengah tinggi iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysai (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) terpaksa ditunda tarikh kepada tarikh yang baru. Oleh kerana keputusan peperiksaan-periksaan awam ini merupakan kaedah saringan bagi pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT), perubahan dan penundaan tarikh ini mengakibatkan anjakan kepada tarikh kemasukan ke Universiti Awam, Pusat Matrikulasi dan Asasi serta IPT yang lain.

### **Pindaan Takwim Persekolahan Tahun 2020**

Kesan daripada penutupan institusi pendidikan, takwim persekolahan tahun 2020 terpaksa diubahsuai dan dipinda untuk mengambil kira keberkesanan PdPR dan keperluan kepada PdP secara bersemuka, khususnya kepada murid calon peperiksaan awam. Pindaan takwim ini juga perlu dibuat berikutan pindaan kepada tarikh peperiksaan-peperiksaan awam seperti SPM, SVM, STPM dan STAM.

### **Prosedur Operasi Standard Dan Norma Baharu Di Sekolah**

Sepertimana sektor lain, sektor pendidikan merupakan sektor yang terjejas dalam era pandemik Covid-19 ini. Oleh itu, kerjasama erat yang dijalin di antara sekolah, ibu bapa dan masyarakat sebagaimana yang dianjurkan dalam Anjakan ke 9 PPPM 2013-2025 beserta Prosedur Operasi Standard khusus Garis Panduan Pengurusan Dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu dan Garis Panduan Pengurusan Dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu 2.0 yang dikeluarkan oleh KPM akan dapat membentuk satu sistem pembelajaran yang kondusif untuk kanak-kanak, dalam persekitaran yang selamat dan selesa. Rujukan seiring juga dibuat kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) terkini Majlis Keselamatan Negara di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN).

### **KESIMPULAN**

Malaysia tidak terkecuali dalam menghadapi pandemik ini, di mana sektor pendidikan turut terjejas. Walau sebelum pandemik Covid-19 lagi Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 telah mendapati 424,000 kanak-kanak Malaysia mengalami masalah kesejahteraan kesihatan mental (Sinar Harian, 2021). Keadaan pandemik telah menyaksikan pelaksanaan kawalan pergerakan untuk suatu tempoh di mana rakyat, khususnya kanak-kanak hidup dalam keadaan terkurung, tanpa kebebasan bermain, bersosial dan berinteraksi, sedangkan ia penting untuk kesejahteraan mental. Peluang mendapatkan pendidikan juga terhad hingga kepada suatu tahap tertentu. Keadaan ini telah mengakibatkan rakyat termasuk kanak-kanak 'hilang' hak yang dinikmati sebelum ini dan perlu menjalani hidup dengan norma baharu hingga ke suatu tempoh yang belum diketahui. Keadaan yang sudah tidak sama dengan sebelum ini.

Kerajaan komited dalam melestarikan hak pendidikan untuk kanak-kanak. Sebelum pandemik, Kementerian Pendidikan telah menyediakan bantuan dalam pelbagai bentuk bagi murid yang memerlukan, seperti Rancangan Makanan Tambahan, Basiswa Kecil Persekutuan, dan Bantuan Awal Persekolahan. Bantuan ini termasuklah bantuan makanan, sukan, pendidikan khas, basiswa dan elaun, bantuan perjalanan dan pengangkutan, bantuan kelas dewasa Orang Asli, dan baucar buku. Ini adalah di antara tanggungjawab yang perlu disempurnakan dalam memastikan setiap anak-anak warganegara diberi pendidikan berkualiti bagi mereka mendepani cabaran pada masa hadapan. Selain daripada bantuan berkaitan persekolahan dan pendidikan, beberapa insentif atau manfaat tambahan diperuntukkan kepada keluarga murid yang memerlukan bagi memastikan kelangsungan hidup dan kesejahteraan rakyat di negara ini. Sekiranya keluarga murid memerlukan bantuan tambahan, terdapat pelbagai insentif di bawah Kementerian yang lain bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat di negara ini. Agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pusat-pusat Zakat dan agensi kerajaan negeri turut menyediakan bantuan dan kemudahan kepada mereka yang memerlukan.

Komitmen yang berterusan dilaksanakan ketika pandemik dengan pelbagai usaha dan langkah yang bersesuaian bagi memastikan akses kepada pendidikan dapat diberikan kepada kanak-kanak warganegara tanpa diskriminasi. Dengan pelbagai bantuan yang disalurkan, semangat guru-guru yang dedikasi dan sokongan masyarakat setempat, tidak ada sebab mengapa anak-anak tidak mendapat peluang untuk mengikuti pendidikan berkualiti di sekolah. Sepatutnya tidak ada lagi kes mengenai keluarga yang daif atau kanak-kanak yang tidak bersekolah dalam keadaan negara Malaysia yang makmur dan harmoni ini. Justeru itu, setiap kanak-kanak perlu menikmati peluang untuk mendapatkan pendidikan terbaik sebagai hak asasi mereka.

Kini anak-anak telah kembali ke sekolah secara bersemuka, setelah menjalani pembelajaran secara dalam talian untuk beberapa bulan. Pembukaan semula sekolah ini dapat membantu perkembangan sosial dan psikologi kanak-kanak yang sudah lama tidak dapat bersemuka dengan rakan-rakan sebaya. Diharapkan ia dapat meningkatkan kembali motivasi dan semangat kanak-kanak untuk belajar dan kembali bersosial dengan murid lain dalam norma baharu. Guru-guru pula dapat memasukkan elemen kreatif dan empati dalam mencari kaedah pembelajaran paling sesuai untuk murid mereka dalam pembelajaran secara bersemuka.

## RUJUKAN

- Abidah Abdul Ghafar. (2021, 5 April). "Hak kanak-kanak dapat pendidikan formal di sekolah". *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/04/803624/hak-kanak-kanak-dapat-pendidikan-formal-di-sekolah>
- Ahmad Farit Mazlan, Maslawati Mohamad, Aishath Reesha, Rosnani Kassim, Zarina Othman & Saadia Kummin. (2021). "Challenges and Strategies to Enhance Online Remote Teaching and Learning by Tertiary Institution Educators: A Literature Review." *Creative Education*. (12) 718-726. [https://www.scirp.org/pdf/ce\\_2021040715242329.pdf](https://www.scirp.org/pdf/ce_2021040715242329.pdf)
- BERNAMA. (2020, 16 Mei). Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>
- Constitution of the Republic of Singapore (Perlembagaan Singapura). (1963). 2020 Revised Edition. Singapore Statutes Online. <https://sso.agc.gov.sg/Act/CONS1963>
- Dede. (2020). Perbandingan Hak Pendidikan Dalam Konstitusi Negara Indonesia Dengan Konstitusi Beberapa Negara di Asia Tenggara. *Jurnal Natar Pendidikan*.
- Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia. Undang-undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945 (UUD 1945). <https://www.dpr.go.id/jdih/uu1945>
- Erda Khursyiah Basir. (2020, 20 November). Lumrah dan cabaran kanak-kanak dalam mendepani Covid-19. *Bernama*. <https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1903309>
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran & Intan Nur Syuhada Hamzah. (2021). Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian sepanjang perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JBPM)*. 11(1), Mei 2021. 16-28. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/252>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)* (PPPMM 2013-2025). KPM. <https://www.moe.edu.my>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Keempat)*. KPM. <https://www.moe.gov.my>.
- Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sham Kamis, Sohaina Mohd Salleh, Zunidar, Dr Usiono, Eka Yusnaldi, Siti Hajar binti Taib dan Ikwana Lubis. (2021). "Isu terkini pendidikan Islam di era pandemik Covid-19 di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. Vol 4(1). 75-91.
- Majlis Keselamatan Negara. (2021). SOP perintah kawalan pergerakan. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-perintah-kawalan-pergerakan/>
- Mohd Iskandar Ibrahim. (2021, 28 April). UPSR mansuh, PT3 dibatalkan. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/811621/upsr-mansuh-pt3-dibatalkan>
- Muhammad Ajwad Mohd Suhaimi & Harun Baharudin. (2021). Tahap kemahiran dan penggunaan guru-guru Pendidikan Islam dalam pembelajaran maya Google Classroom sepanjang pandemik Covid-19. 3<sup>rd</sup> International Conference on Business Studies and Education (ICBE 2021)
- Muhammad Faizal Abd Ghani. (2020) dalam Nur Hanisah Ahmad Saifudin & Mohd Isa Hamzah. (2021). Cabaran pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dalam talian dengan murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(3) 250-264.
- Noor Syaheerah Hamdan & Tajul Arifin Muhamad. (2021). Motivasi pelajar sekolah menengah kebangsaan di Kuala Lumpur dan keterlibatan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian sepanjang tempoh pandemik Covid-19. 2<sup>nd</sup> International Conference on Education, Social Sciences and Engineering (ICESE 2021).
- Nur Hanisah Ahmad Saifudin & Mohd Isa Hamzah. (2021). Cabaran pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dalam talian dengan murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3) 250-264.
- Reuters. (2020). Malaysia to reopen schools in stages from June 24: minister. 10 Jun. <https://www.reuters.com/article/us-health-coronavirus-malaysia-schools/malaysia-to-reopen-schools-in-stages-from-june-24-minister-idUSKBN23H13M>
- Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid. (2017). Persepsi guru terhadap ciri-ciri inovasi VLE-FROG di sekolah di WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan Selangor. Simposium Pendidikan Diperibadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRIN2017)
- Sharifah Hana Lia & Norshidah Mohamad Salleh. (2021). Tahap kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran dalam talian anak berkeperluan khas semasa perintah kawalan pergerakan. 3<sup>rd</sup> Kuala Lumpur International Multidisciplinary Academic Conference (KLIMAC 2921).
- Sinar Harian. (2021, 16 Jun). Cabaran pendidikan semasa pandemik Covid-19. <https://www.sinarharian.com.my/article/144533/BERITA/Nasional/Cabaran-pendidikan-semasa-pandemik-Covid-19>

- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol 15(2). 011-023.
- Syahiza Zaharuddin & Fariza Khalid. (2019). Penerimaan pelajar tingkatan 1 terhadap penggunaan aplikasi Web 2.0 untuk pembelajaran. [Kertas Persidangan] Graduate Research in Education Seminar 2019.
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (2017). Thailand Education Overview. [https://web.archive.org/web/20171114075040/https://www.unicef.org/thailand/education\\_303.html](https://web.archive.org/web/20171114075040/https://www.unicef.org/thailand/education_303.html)
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (2020, Nov). Understanding the Impact of COVID-19 on Vulnerable Children & Families in Malaysia. <https://www.unicef.org/malaysia/media/1916/file/Impact%20of%20COVID-19%20on%20Vulnerable%20Children%20&%20Families%20in%20Malaysia.pdf>
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (2020.) Global Education Monitoring (GEM) Report 2020. <https://gem-report-2020.unesco.org/>
- Wikipedia. (2021). Perintah kawalan pergerakan Malaysia 2020-21. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Perintah\\_Kawalan\\_Pergerakan\\_Malaysia\\_2020-21](https://ms.wikipedia.org/wiki/Perintah_Kawalan_Pergerakan_Malaysia_2020-21).
- Zaini Abdullah dan lain-lain. (t.th). Unit 12: Akta Pendidikan 1996 & Peraturan Pendidikan dalam Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Falsafah dan Dasar (KPF30120). UPSI.